

Headline	Hotel TH rai 50 anak yatim, orang miskin berbuka puasa		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	218,251
Page No	7	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	209 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,679
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,037



Hotel TH rai 50 anak yatim, orang miskin berbuka puasa

KUALA TERENGGANU - Hotel Tabung Haji (TH) dan Convention Centre Kuala Terengganu meraikan 50 anak yatim dari Rumah Darul Hilmi termasuk anak golongan miskin dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Takir di sini pada majlis berbuka puasa di hotel itu malam kelmarin.

Pengurus Besarinya, Engku Morris Engku Hussin berkata, program Sinar Ramadan itu dianjurkan untuk memberi peluang kepada golongan kurang bernasib baik merasai kemeriahan Ramadan kali ini.

“Kita tahu anak-anak yatim ini terdiri daripada golongan yang kurang mendapat perhatian dalam masyarakat jadi kita pilih untuk meraikan mereka supaya merasa dihargai,” katanya selepas majlis berbuka puasa itu.


Beliau berkata, anak-anak berkenaan turut menerima duit raya sebagai persediaan menyambut Syawal.

Menurut Engku Morris, orang ramai dijemput berbuka puasa secara bufet sambil beramal di Hotel Tabung Haji kerana RMI daripada bayaran itu

akan didermakan kepada rumah anak-anak yatim.

Seorang anak yatim yang ditemui, Siti Safura Baharuddin, 17, berkata, peluang untuk berbuka puasa di hotel sangat dinantikan kerana dapat merasai makanan yang dianggap mewah.

“Saya gembira kerana diberikan peluang ini dan berterima kepada semua yang menyumbang,” katanya yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di Sekolah Menengah Ibrahim Fikri di sini tahun ini.



ENGKU MORRIS (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim selepas majlis berbuka puasa di Hotel TH dan Convention Centre Kuala Terengganu, Terengganu malam kelmarin.